



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 9/2024

PENGELUARAN

PENGELUARAN BUAH TANDAN SEGAR (KELAPA SAWIT)

Ogos 2024: 9,833,812
tan metrik ▲ 9.9%

Julai 2024: 9,525,968
tan metrik ▲ 14.1%

Jun 2024: 8,650,592
tan metrik ▲ 16.3%

PENGELUARAN GETAH ASLI

Julai 2024: 37,960
tan metrik ▲ 33.0%

Jun 2024: 29,881
tan metrik ▲ 0.05%

Mei 2024: 25,608
tan metrik ▲ 6.1%

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPP)

Julai 2024: ▲ 5.3%

Jun 2024: ▲ 5.0%

Mei 2024: ▲ 2.4%

NILAI JUALAN SEKTOR PEMBUATAN

Julai 2024: RM157.1b
▲ 9.1%

Jun 2024: RM156.1b
▲ 5.9%

Mei 2024: RM154.9b
▲ 5.5%

NILAI JUALAN SEKTOR PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

Julai 2024: RM149.0b
▲ 6.7%

Jun 2024: RM146.0b
▲ 5.4%

Mei 2024: RM147.9b
▲ 7.1%



Eksport

Ogos 2024: RM129.2b ▲ 12.1%

*Julai 2024: RM131.1b ▲ 12.3%

Jun 2024: RM 126.0b ▲ 1.7%



Bilangan Penduduk Bekerja

Julai 2024: 16.63 juta orang ▲ 1.8%

Jun 2024: 16.61 juta orang ▲ 1.8%

Mei 2024: 16.58 juta orang ▲ 1.8%



Indeks Harga Pengguna (IHP)

Ogos 2024: ▲ 1.9%

Julai 2024: ▲ 2.0%

Jun 2024: ▲ 2.0%

SEKTOR
LUARAN

PASARAN
BURUH

HARGA



Import

Ogos 2024: RM123.5b ▲ 26.2%

*Julai 2024: RM124.7b ▲ 25.4%

Jun 2024: RM111.7b ▲ 17.8%



Kadar Pengangguran

Julai 2024: 3.3%

Jun 2024: 3.3%

Mei 2024: 3.3%



Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

Ogos 2024: ▲ 0.3%

Julai 2024: ▲ 1.3%

Jun 2024: ▲ 1.6%

* Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan



Penggunaan domestik dan permintaan luaran yang kukuh mendorong pertumbuhan ekonomi Malaysia.

- Ekonomi Malaysia pada separuh pertama tahun 2024 berkembang sebanyak 5.1 peratus, terutamanya didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Pertumbuhan yang kukuh ini seiring dengan unjuran kerajaan yang menjangkakan pertumbuhan antara 4 hingga 5 peratus, serta ramalan ADB untuk tahun 2024, yang disokong oleh peningkatan dalam penggunaan swasta dan pembentukan modal tetap kasar (PMTK).
- Pada Julai 2024 pengeluaran getah asli meningkat sebanyak 33.0 peratus tahun ke tahun kepada 37,960 tan metrik daripada 28,533 tan metrik pada Julai 2023. Sementara itu, pengeluaran tandan buah segar kelapa sawit pada Ogos 2024 meningkat 9.9 peratus tahun ke tahun kepada 9,833,812 tan metrik (Ogos 2023: 8,945,139 tan).
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 5.3 peratus pada Julai 2024. Dari segi nilai jualan, sektor Pembuatan merekodkan nilai jualan sebanyak RM157.1 bilion pada Julai 2024, berkembang sebanyak 9.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.
- Sektor perdagangan borong dan runcit Malaysia mencapai nilai jualan bulanan sebanyak RM149.0 bilion, mencerminkan kadar pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 6.7 peratus.
- Dari sudut harga, kadar inflasi Malaysia kekal pada 2.0 peratus sejak Mei 2024, dipengaruhi oleh kenaikan dalam kumpulan utama seperti Restoran & Perkhidmatan, Penginapan, Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan; Rekreasi, Sukan & Kebudayaan dan Kesihatan. Kadar inflasi bagi Ogos 2024 mereda kepada 1.9 peratus, dengan mata indeks berada pada 133.2.
- Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia pada Julai 2024 meningkat 1.3 peratus tahun ke tahun berbanding 1.6 peratus pada bulan sebelumnya, yang mana semua sektor dalam IHPR Pengeluaran Tempatan mencatatkan pertumbuhan positif. IHPR menunjukkan peningkatan marginal 0.3 peratus pada Ogos 2024.
- Melihat kepada jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan pertumbuhan tahunan dua digit sebanyak 18.3 peratus pada Julai 2024, dengan pertumbuhan eksport dan import masing-masing meningkat sebanyak 12.3 peratus kepada RM161.1 bilion dan 25.4 peratus kepada RM124.7 bilion. Namun, lebihan dagangan menunjukkan penurunan ketara sebanyak 62.9 peratus kepada RM6.4 bilion.
- Senario buruh Malaysia pada Julai 2024 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus tahun ke tahun dalam tenaga buruh untuk merekodkan 17.20 juta orang (Julai 2023: 16.91 juta orang). Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.3 mata peratus daripada 70.1 peratus pada Julai 2023 kepada 70.4 peratus, dan kadar pengangguran kekal pada 3.3 peratus pada bulan ini.
- Indeks Pelopor (IP) meningkat sebanyak 5.2 peratus kepada 115.1 mata pada Julai 2024, terutamanya didorong oleh peningkatan ketara sebanyak 36.7 peratus dalam Import Semikonduktor. Prestasi ini, bersama dengan pemulihan bulanan sebanyak 1.1 peratus dan kadar pertumbuhan terlicin IP yang kekal stabil melebihi 100.0 mata, menunjukkan ekonomi yang berdaya tahan disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh dan permintaan luar yang berterusan.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI

